

**80 Bekas Pemimpin Dan Anggota PKR Beaufort Sertai BN
Bernama
7 Jun, 2012**

BEAUFORT, 7 Jun (Bernama) -- Seramai 80 bekas pemimpin dan anggota Parti Keadilan Rakyat (PKR) kawasan Beaufort Khamis bertukar haluan menyertai Barisan Nasional (BN) dalam satu majlis khas di sini.

Bekas pemimpin PKR yang juga calon bagi kawasan Parlimen Beaufort pada pilihan raya umum ke-12 (PRU12) lepas, Lajim Yusoff berkata keputusan menyertai BN kerana kepercayaan kepimpinan Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman yang membawa pelbagai pembangunan pesat di negeri ini.

"Kami menyertai BN kerana percaya BN betul-betul boleh memajukan Sabah di bawah kepimpinan Datuk Seri Musa Aman kerana selama ini kami perhatikan semua projek Sabah khususnya di Beaufort semuanya berjalan lancar.

Kami tidak percaya lagi kepada parti pembangkang (PKR) yang hanya berangan-angan untuk memerintah negeri Sabah," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan borang keahlian UMNO kepada Musa di kediaman Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Sabah Datuk Azizah Mohd Don di Kampung Limbawang di sini.

Lajim yang pernah menyertai PKR selama lapan tahun itu berkata sewaktu berkempen pada PRU12 lepas, pemimpin PKR hanya pandai menaburkan bermacam-macam janji, sebaliknya tidak ditunaikan untuk penduduk kawasan Beaufort.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=671337>